

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING
[BANGI]**

TARIKH : 7 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Dr. Ong Kian Ming [Bangi] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah syarikat yang telah mendaftar untuk program Safe@Work dan sebab-sebab mengapa lebih banyak syarikat tidak mendaftar untuk program ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Safe@Work merupakan inisiatif Kerajaan untuk menggalakkan langkah-langkah kesihatan awam yang komprehensif dilaksanakan secara sukarela oleh majikan dalam menangani penularan wabak COVID-19 di kalangan pekerja. Syarikat yang berdaftar di bawah Safe@Work perlu sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Am Pelan Pemulihan Negara serta SOP khas Safe@Work yang ditetapkan.

Secara amnya, Safe@Work menggalakkan pembentukan *Safe Work Bubble* untuk membolehkan kilang terus beroperasi dalam keadaan di mana terdapat sejumlah kecil pekerja yang dijangkiti COVID-19. *Safe Work Bubble* memastikan pekerja kes positif terus diasingkan dan dikeluarkan daripada operasi kilang untuk menerima rawatan di hospital manakala pekerja kontak rapat dibenarkan untuk terus bekerja di kilang walaupun hasil ujian saringan belum diperolehi.

Bagi menggalakkan syarikat syarikat berdaftar secara sukarela, antara insentif yang diberikan di bawah Safe@Work adalah potongan cukai tambahan kepada syarikat dan sektor perkhidmatan yang berkaitan sehingga RM50,000 bagi perbelanjaan sewaan premis penginapan/kemudahan tempat tinggal pekerja. Ini mencerminkan komitmen oleh Kerajaan dalam melaksanakan pendekatan “whole of society” untuk mengekang penularan wabak pandemik di tempat kerja khususnya dalam industri perkilangan.

Sejak Safe@Work dilancarkan pada 1 April 2021, sebanyak **4,775 permohonan** telah diterima daripada syarikat perkilangan dan perkhidmatan berkaitan untuk program Safe@Work.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sentiasa menggalakkan syarikat perkilangan dan perkhidmatan berkaitan untuk mendaftar di bawah Safe@Work memandangkan inisiatif ini menggalakkan amalan perkilangan terbaik (good manufacturing

practices) dalam menangani pandemik COVID-19, menjamin kelangsungan perniagaan di samping memastikan keselamatan pekerja.

Selain daripada faktor pendaftaran syarikat untuk Safe@Work adalah secara sukarela, faktor utama yang menyumbang kepada jumlah pendaftaran yang masih rendah adalah kewajipan pematuhan syarikat kepada SOP Safe@Work yang lebih ketat berbanding SOP Am sektor perkilangan. Pada masa yang sama, pihak MITI menghadapi kesukaran disebabkan oleh peningkatan kes COVID-19 secara mendadak untuk menjalankan *outreach* kepada persatuan-persatuan industri, dewan-dewan perniagaan serta syarikat-syarikat individu.

Namun, syarikat-syarikat sektor perkilangan telah giat berdaftar untuk Program Imunisasi COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) yang dilaksanakan oleh MITI bagi memastikan pekerja industri tersebut mendapat vaksinasi dengan kadar segera. Usaha ini secara tidak langsung akan membantu syarikat-syarikat yang masih belum berdaftar dengan Safe@Work untuk berbuat demikian kerana program vaksinasi juga merupakan salah satu elemen yang digariskan dalam Safe@Work.

Sekian, terima kasih.